

Feri Pulau Pinang warisan antik

→ Ikon Pulau Mutiara pilihan pelancong nikmati panorama mempesona

Oleh Zubir Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my

Selepas insiden kemalangan maut membabitkan kenderaan utiliti sukan (SUV) putih terhumban ke dalam laut dari Kilometer 4.0 Jambatan Pulau Pinang, baru-baru ini, mungkin ramai trauma menggunakan laluan berkenaan.

Sebaliknya, penduduk tempatan mahupun pelancong asing barang kali lebih rela menggunakan perkhidmatan Feri Pulau Pinang yang masih beroperasi hingga hari ini walaupun perjalanannya mengambil masa agak panjang.

Sebenarnya, pengalaman menaiki Feri Pulau Pinang yang menjadi ikon kepada Pulau Mutiara tetap menjadi pilihan dalam kalangan pelancong antarabangsa kerana perkhidmatan berkenaan amat jarang ditemui.

Walaupun ada dua jambatan yang menghubungkan tanah besar dengan pulau, kemudahan Feri Pulau Pinang terus bernyawa, apatah lagi ia menjadi antara tarikan pelancong ke negeri ini.

Malah tidak keterlaluan, Feri Pulau Pinang satu-satunya feri dua tingkat yang masih wujud di Malaysia. Bagi pengunjung tempatan dari luar Pulau

Pinang, menaiki feri seolah-olah memberi pengalaman baharu.

Negara pelabuhan

Pelancong asing pula pasti memasukkan perkhidmatan Feri Pulau Pinang dalam jadual perjalanan wajib mereka. Feri Pulau Pinang warisan antik. Itulah keistimewaannya di mata pelancong.

Feri Pulau Pinang adalah antara tiga ikon utama yang menjadi identiti negeri ini dalam kalangan pengunjung, selain bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dan Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan tanah besar, Seberang Perai dengan Georgetown di pulau, sebelum kemunculan Jambatan Sultan Abdul Halim Shah.

Penulis secara peribadi sangat teruja apabila berada dalam Feri Pulau Pinang. Apabila feri mula bergerak perlahan-lahan meninggalkan dermaga Terminal Feri Sultan Abdul Halim di Butterworth, tiba-tiba wujud satu perasaan luar biasa, macam 'jakun' pun ada.

Semakin bergerak ke tengah Selat Utara, penumpang berpeluang menikmati pesona Pulau Pinang dari laut lepas.

Deretan kapal berlabuh dan kontena di Pelabuhan Butterworth, seolah-olah anda berada di negara

pelabuhan seperti Belanda, manakala di pulau pula terserlah pemandangan bangunan pencakar langit, KOMTAR dan yang paling menonjol adalah panorama Bukit Bendera.

Berpusu di anjung tinjau

Hampir 20 minit mengelamun dari dek atas feri, penulis khayal kerana ditiup sang bayu menyegarkan minda.

Dek bawah menempatkan deretan kenderaan, sementara di bahagian atas feri penumpang berpusu-pusu berdiri di kawasan paling hadapan untuk memperoleh pandangan mempesona.

Asyik memerhati Jambatan Pulau Pinang, tiba-tiba berselisih pula dengan feri dari Georgetown menuju ke Butterworth.

Feri semakin menghampiri Terminal Feri Raja Tun Uda di Georgetown, lalu penumpang bergerak perlahan-lahan masuk ke dalam kenderaan masing-masing untuk memulakan pengembaraan dan percutian ke Pulau Pinang.

Walaupun sekejap berada di atas feri, ia menawarkan pengalaman yang sangat berbaloi. Penulis yakin ramai lagi pengunjung dan pengembara berasa puas menikmati pesona bandar Georgetown dari anjung tinjau feri.



Feri Pulau Pinang dua tingkat antara keunikan yang berjaya menarik perhatian pengunjung domestik mahupun pelancong asing ke Pulau Mutiara.



Fakta
nombor

**3.2
kilometer**

jarak Selat Utara antara
Georgetown dan Butterworth

**7
buah**

jumlah feri yang
masih beroperasi

**20
minit**

anggaran tempoh
perjalanan feri

RM7.70

tambang sehalu (sekali bayar) bagi
kenderaan dari Terminal Feri Sultan
Abdul Halim (Butterworth) ke Terminal
Feri Raja Tun Uda (Pulau Pinang)

Info

Feri Pulau Pinang

Jadual pelayaran Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Butterworth)

- Pelepasan feri pertama: 5.20 pagi
- Pelepasan feri terakhir: 12.40 pagi

Jadual pelayaran Terminal Feri Raja Tun Uda (Pulau Pinang)

- Pelepasan feri pertama: 5.40 pagi
- Pelepasan feri terakhir: 1 pagi

Foto Zubir Mohd Yunus/BH



Tampil pemandangan indah Pulau Pinang.

Pelancong berdiri di anjung tinjau feri untuk menikmati pesona laut lepas.



Jambatan
Pulau Pinang.

Perkhidmatan masih relevan

Perkhidmatan Feri Pulau Pinang masih relevan dan kita perlu menghargai khazanah serta warisan negara hingga popularitinya mampu berdiri megah, sebaris kehebatan di kota New York.

Servis feri 125 tahun

Mengimbas sejarah perkhidmatannya, feri berkenaan bermula sejak lebih satu abad lalu, iaitu pada 1894 apabila seorang pengusaha persendirian bernama Buah Beng Kee mengendalikan bot bermotor seperti feri untuk mengangkut penumpang.

Feri berkenaan menggunakan kuasa wap hanya mengangkut penumpang dan pelbagai barangan dalam kuantiti terhad. Perkhidmatan feri yang

dapat mengangkut kenderaan bermula pada 1924. Ketika itu, hanya terdapat satu feri berkuasa wap bernama *Seberang* dibina oleh Lembaga Pelabuhan Singapura beroperasi untuk membawa penumpang pejalan kaki dan kereta.

Sejak perkhidmatan feri diperkenalkan, sambutan daripada penduduk sekitar Pulau Pinang dan Butterworth semakin ramai.

Justeru, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang (LPPP) perlu membesarkan jeti dan penambahan lagi dua feri yang lebih besar dinamakan *Tanjung* dan *Kulim*.

Hari ini antara nama Feri Pulau Pinang ialah *Pulau Payar*, *Pulau Angsa*, *Pulau Kapas* dan *Pulau Undan*.



Dek bawah khusus untuk kenderaan sahaja.